


Syarat-syarat kelayakan kontraktor untuk menyertai proses kerja undi ini adalah seperti berikut :

1. Terbuka pada kontraktor Kejuruteraan Awam kelas G1 yang berdaftar di daerah Kuala Selangor. (kod bidang pengkhususan Gred : G1, Kategori : CE01 & CE21 Pembinaan Kejuruteraan Awam);
2. Mana-mana Kontraktor Kejuruteraan Awam kelas G1 yang telah berjaya mendapat kerja bersama Jabatan ini pada tahun 2026, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai program kerja undi ini
3. Kontraktor hendaklah berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) serta Sijil Taraf Bumiputera (STB). Sijil pendaftaran UPEN dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) hendaklah masih **BERKUATKUASA & PATUH**;
4. Borang penyertaan kerja undi perlu dibeli ditender online, dilengkapkan dan dibawa bersama-sama resit pembelian dan Salinan asal SSM, CIDB, SPKK, Penyata Bank, Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dan dokumen pengenalan diri semasa pendaftaran secara fizikal serta Cop Syarikat, hanya kontraktor yang dinamakan dalam lesen pendaftaran layak menyertai kerja undi.
5. Kontraktor perlu melengkapkan dokumen pendaftaran kerja undi sebelum mendaftar. Untuk bahagian no. siri, no. undi dan tandatangan urusetia perlu dikosongkan(akan diisi oleh urusetia kerja undi jabatan).
6. Pendaftaran akan dibuat di Pejabat Mekanikal Dan Pengairan, Tanjung Karang secara fizikal pada 24/09/2026 (Khamis) jam 9.00pg hingga 10.00pg, hanya pemborong yang lulus semakan dan hadir dalam tempoh pendaftaran layak untuk mendapat nombor undi.
7. Mana-mana kontraktor yang telah menghantar borang pendaftaran **BERSETUJU DAN MENGAKU BAHAWA SEMUA MAKLUMAT YANG DIBERIKAN ADALAH BENAR. SEKIRANYA DIDAPATI MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN ADALAH TIDAK BENAR, KONTRAKTOR TERSEBUT ADALAH DENGAN INI BERSETUJU SYARIKATNYA TIDAK LAYAK UNTUK DISENARAikan DAN TIDAK LAYAK MENDAPAT SEBARANG KERJA DALAM PROSES UNDI INI.**



Dokumen yang perlu dibawa semasa hari pengundian:
Salinan asal SSM, CIDB, SPKK, Penyata Bank, Sijil Pematuhan Cukai (TCC) dan lain-lain sijil berkaitan Cop kontraktor
Dokumen pengenalan diri
Borang pendaftaran lengkap
Resit pembelian dokumen